

SASTERA REMAJA

AZMAH NORDIN

Pulver
INDRASARI AYU



Puteri
INDRASARI AYU

Puteri Indrasari Ayu

SAB 26186



SAB00026186

PUSAT DOKUMENTASI MELAYU
DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA

SASTERA REMAJA

AZMAH NORDIN

Puteri

INDRASARI AYU

PERPUSTAKAAN DBP Cawangan, Sabah.	
No. Kelas:	398.2 Azm
No. Perolehan:	SAB 0656/09
Tarikh:	17/4/09 T.T [Signature]

Dewan Bahasa dan Pustaka
Kuala Lumpur
2009

Cetakan Pertama 1996

Cetakan Kedua 2009

© Azmah Nordin 1996

Hak Cipta Terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian artikel, ilustrasi, dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan cara apa jua sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman, atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Ketua Pengarah, Dewan Bahasa dan Pustaka, Peti Surat 10803, 50926 Kuala Lumpur, Malaysia. Perundingan tertakluk kepada perkiraan royalti atau honorarium.

Perpustakaan Negara Malaysia

Data Pengkatalogan-dalam
Penerbitan


Azmah Nordin

Puteri Indrasari Ayu / Azmah Nordin.

ISBN 978-983-62-5071-1

1. Folk literature, Malay. 1. Judul.

398.2



Dicetak oleh

Dawama Sdn. Bhd.

Kompleks Dawama

Lot 1037, Jalan AU3/1

54200 Ampang/Hulu Kelang

Selangor Darul Ehsan

KATA PENGANTAR

BUKU *Puteri Indrasari Ayu* ini ditulis atas kesedaran bahawa setakat ini tidak banyak karya tradisi seumpamanya dihasilkan yang menggambarkan warisan kebudayaan, pandangan dunia, kepercayaan dan nilai-nilai kehidupan zaman dahulu daripada pelbagai kelompok etnik di Sabah. Cerita-cerita tersebut diambil daripada kaum Brunei, kaum Sungai/Tombonuwo, Murut, Murut Timugun, dan kaum Kadazan/Dusun yang berasal dari kawasan Molapi, Sugut, Paitan, Keningau, Tambunan, Ranau, Gunung Kinabalu, Tuaran, Tawau dan sebagainya.

Dalam kumpulan ini, penulis berusaha memaparkan 15 buah cerita rakyat yang menyorot zaman silam. Hanya cerita rakyat berjudul "Puteri Indrasari Ayu" yang watak-wataknya beragama Islam. Yang lainnya, menganut kepercayaan animisme iaitu percaya bahawa tiap-tiap benda yang

KATA PENGANTAR

wujud mempunyai roh dan semangat. Sebahagian besar daripadanya mempercayai bahawa ada empat roh yang wujud di dunia iaitu Minamangun atau Roh Maha Pencipta; Kunduduwo atau Roh Pemberi Nyawa Manusia; Tombiruoh atau Roh Orang Mati dan Rogon atau Roh Jahat (hantu). Dan menurut kepercayaan mereka, tempat persemadian abadi bagi roh orang yang sudah mati ialah di 'syurga', yang terletak di puncak Gunung Kinabalu.

Kesemua cerita rakyat tersebut adalah daripada sastera lisan yang 'dipilih' dan 'ditapis' dahulu, sebelum diceritakan semula secara bebas dan sekreatif mungkin oleh penulis. 'Dipilih' dan 'ditapis', untuk mengelakkan mana-mana masyarakat Malaysia yang berbilang kaum dan agama ini daripada tersinggung.

Yang jelas, bukan semua sastera lisan (antara yang memang banyak) yang boleh memberi manfaat kepada pembaca, terutama sekali bagi golongan remaja. Hanya yang mempunyai didikan moral, nilai-nilai murni yang mulia, di samping berusaha mempertingkatkan daya imaginasi dan kreativiti remaja untuk menghadapi masa depan, yang terpilih ke dalam kumpulan cerita rakyat ini.

Bagi penulis, menceritakan kembali cerita rakyat Sabah juga merupakan satu kegiatan

KATA PENGANTAR

menyampaikan sesuatu keputusan tentang tafsiran terhadap kehidupan kepada para remaja. Hanya cerita-cerita rakyat yang membawa pelajaran yang positif dalam menghadapi sesuatu persoalan sahaja yang terpilih dan penulis cuba gambarkan dalam kumpulan cerita rakyat ini.

Penulis berharap, selain memberi hiburan, karya ini juga dapat memberi panduan yang tersirat secara tidak langsung kepada para remaja.

Azmah Nordin

SEKUNTUM MAWAR SAKTI

ALKISAH tersebutlah satu cerita pada zaman dahulukala. Ada sebuah gua yang berhampiran Gunung Tadusmadi, dalam hutan belantara Tambunan, di Negeri di Bawah Bayu. Terdapat beberapa buah kampung suku Dusun, berhampiran hutan itu. Tetapi tidak ramai antara penduduk kampung itu yang berani berkeliaran jauh di dalam hutan itu, kerana dikatakan ada seorang perempuan sihir lanjut, berada di gua itu. Perempuan sihir itu digelar sebagai Tombiruoh, oleh orang kampung.

Menurut ceritanya, andainya seorang pemuda berlegar-legar beberapa meter daripada gua itu, dia pasti dipukau dan akan terpaku di situ, sehingga perempuan sihir itu sendiri membebaskannya.

Namun begitu, kalau yang berlegar-legar di situ gadis remaja, lain pula tindakan perempuan sihir itu. Dengan menggunakan kuasa yang ada padanya, perempuan sihir akan menyihir gadis

itu menjadi seekor burung yang cantik, berwarna-warni. Dan burung-burung yang asalnya gadis cantik itu, akan dikurung di dalam sangkar buluh, di dalam guanya. Perempuan sihir itu memiliki beribu-ribu sangkar berisi burung-burung yang cantik yang tidak boleh ditemui di tempat lain.

Ada seorang lelaki, Babakud namanya. Babakud tinggal di kampung berhampiran hutan belantara itu. Tutar bahasa Babakud lembut, teratur, bernas dan tegas. Nasihatnya baik sekali. Dia hanya lemah apabila berhadapan dengan gadis tunangannya yang amat cantik rupa parasnya, manja, nakal dan lincah orangnya, dari kampung seberang. Waktu bertunang beberapa tahun yang lalu, gadis yang bernama Umpong-Umpong itu belum pun akil baligh. Waktu itu, keluarga Babakud memberikan sejumlah wang, kain sarung wanita, gelang dan tepak sirih sebagai hadiah untuk mengikat pertunangan dengan gadis sunti itu. Kini usia gadis itu sudah pun memasuki ke awal belasan tahun.

Sejak itu, setiap kali Babakud melawat Umpong-Umpong, dia sentiasa mengingatkan gadis tersebut agar tidak pergi sendirian di pinggir hutan itu. Lazimnya, Umpong-Umpong hanya tertawa kemanja-manjaan mendengar nasihat tunangnya itu. Umpong-Umpong sendiri tidak

pernah mendengar kisah tentang perempuan sihir itu daripada orang tuanya.

“Janganlah abang cepat tersinggung. Saya bukan tertawakan abang,” usik Umpong-Umpong, nakal. “Saya cuma seronok. Lagipun, apabila saya kata saya mahu melihat bunga-bunga hutan yang sedang berkembang mekar di pinggir hutan itu, saya bukannya nak pergi sendirian....”

“Umpong-Umpong, apa maksudmu yang engkau tidak akan pergi sendirian?” tanya Babakud, tercengang. “Engkau nak pergi dengan siapa pula?”

Dengan tidak semena-mena, Umpong-Umpong tergelak geli hati. Ketika itu, Babakud tiba-tiba terbayang kembali pada semua cerita tentang perempuan sihir itu, yang didengarnya daripada orang tua-tua kampungnya. Kononnya perempuan sihir itu boleh mengubah bentuk tubuhnya dan menjelma sebagai seekor burung hantu, pada waktu siang. Apabila menjelang senja barulah dia berubah menjadi manusia semula. Perempuan sihir itu pandai memukau dan menarik orang yang berada beberapa ratus meter daripada guanya, supaya menyerah diri. Setibanya di gua itu, perempuan sihir itu akan membunuh dan memasak orang itu dalam periuk besar, di hadapan guanya.

“Hmmm ... kalau bukan dengan tunangku yang baik hati ini,” ujar Umpong-Umpong, kemanja-

manjaan. Dia tahu, Babakud marah sekejap sahaja. Esok lusa, Babakud akan lupa. Umpong-Umpong akan memasak makanan kegemaran Babakud dan Babakud akan baik semula. “Dengan siapa lagi, bukan? Ayuh, kita pergi ...!”

Babakud tertegun. Matanya tak berkelip dan mulutnya ternganga, memerhatikan tingkah gadis tunangannya itu. Tiba-tiba sahaja mukanya pucat. Bibirnya terketar-ketar. Matanya terus merenung gadis tunangannya yang nakal itu. Terbayang lagi kisah tentang perempuan sihir di gua berhampiran Gunung Tadusmadi itu.

“Umpong-Umpong ...! Jangan pergi ...!” panggil Babakud, berdebar tidak menentu. Di kepala Babakud terbayang berbagai-bagai cerita orang tua-tua yang didengarnya, sebelum ini.

Namun, Umpong-Umpong tidak menjawab. Tanpa berlengah lagi, Umpong-Umpong berlari-lari anak melalui lorong kecil menuju ke pinggiran hutan belantara itu. Sesekali Umpong-Umpong kelihatan terkinja-kinja sambil bernyanyi-nyanyi riang.

Babakud menggeleng kepala. Dia lemah melihat gelagat gadis tunangannya yang kadangkala masih keanakan-anakan itu. Akhirnya, dengan berat hati, Babakud terpaksa berkejar, mengekori gadis tunangannya yang berlari macam kumbang

putus tali. Babakud bimbang.

“Cepatlah, bang, cepatlah ...!” ajak gadis tunangannya, seraya tertawa nakal. Dia lari semakin pantas, memasuki kawasan hutan yang dianggap terlarang oleh penduduk kampung itu. Dia macam seronok pula, apabila berpeluang mencabar pemuda tunangannya yang sentiasa serius sahaja sikapnya itu.

Babakud terus diburu perasaan tidak enak. Dia khuatir kerana gadis tunangannya bersendirian di pinggir hutan. Tidakkah itu berbahaya? Seorang gadis remaja seperti gadis tunangannya, pergi ke tempat yang terpencil di dalam hutan, bersendirian? Nakal sungguh dia!

Seketika, Babakud nampak gadis tunangannya menghentikan langkah, di dalam hutan itu. Babakud segera berlari ke arah itu dan menghentikan langkah di sisi gadis tunangannya. Dilihatnya mata Umpong-Umpong tertumpu kepada pohon renek yang rendang. Dengan hati-hati, Umpong-Umpong menguak daunnya yang tajam di hujung itu. Umpong-Umpong tersenyum melihat sekuntum bunga cempaka telur yang sedang kembang. Bunga itu tersembunyi di celah-celah daun. Umpong-Umpong memetik bunga itu dan menciumnya.

“Hmm, harum sungguh bunga ini, bang,” ujar